

# PBB diminta bekal senjata canggih

RAWANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau mengutus surat kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Amerika Syarikat semalam supaya melengkapkan segera 1,500 tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina dengan pelbagai senjata lebih canggih.

Perdana Menteri berkata, ini berikutan keadaan meruncing di negara bekas Yugoslavia itu.

Selain itu, katanya, beliau turut mengutus surat kepada Perdana Menteri Bangladesh, Pakistan dan

Turki meminta mereka menghantar tentera tambahan ke Bosnia secepat mungkin.

"Berikutan keadaan tidak menentu di negara itu, menerusi surat itu saya meminta Presiden Bill Clinton dan Setiausaha Agung PBB, Boutros Boutros-Ghali, melengkapkan tentera yang bertugas di bawah panji PBB di sana dengan senjata lebih canggih.

"Saya juga mengutus surat kepada Perdana Menteri Bangladesh, Pakistan dan Turki meminta mereka menghantar ten-

tera tambahan ke Bosnia secepat mungkin," katanya ditemui pemberita selepas merasmikan Kilang Palm-Oleo Sdn Bhd di Kudang Estet, di sini semalam.

Sejak dua minggu lalu, pengganas Serb menyerang Gorazde dan kematian sehingga ini dilaporkan meningkat kepada lebih 436 manakala 1,467 cedera. Dalam serangan terbaru Rabu lalu, 47 penduduk di bandar itu dibunuh termasuk 17 kanakkanak manakala 143 cedera parah apabila pengganas membedil se-

buah hospital dan pangsa-puri.

Berikutan tindakan ganas itu, Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) kelmarin memberi kata dua kepada Serb sama ada meninggalkan Gorazde sebelum jam 8 pagi ini atau menghadapi serangan udara.

Nato memberi tempoh sehingga 8 pagi ini kepada Serb untuk meninggalkan Gorazde sekurang-kurangnya tiga kilometer dan membawa keluar semua kelengkapan senjata sebelum 8 pagi Rabu

**LIHAT MUKA 2**

# PM utus surat minta senjata canggih

## DARI MUKA 1

ini. Jika enggan serangan udara akan dilancarkan.

Diminta mengulas ancaman Nato itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia hanya mempercayainya jika ia melancarkan serangan selepas tempoh itu tamat.

Setakat ini, katanya, Malaysia kurang yakin ketegasan Nato kerana sebelum ini badan dunia itu sudah banyak kali memberi kata dua berhubung isu di Bosnia-Herzegovina, tetapi tidak pernah disusuli dengan tindakan.

"Saya hanya akan per-

caya kalau ia berlaku (dilaksanakan)...sudah banyak kali kata dua dibuat, tetapi tidak pernah disusuli dengan tindakan.

"Saya kurang yakin (kepada kesungguhan Nato) melaksanakan kata dua itu," katanya.

Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan Malaysia tidak akan mengundurkan tenteranya dari zon peperangan. Ketika ini, tentera Malaysia hanya dilengkapi senjata ringan dan perlu mempunyai peralatan lebih berkesan.

"Kita akan terus berpegang kepada komitmen PBB walaupun kita kurang percaya kepada kemampuan badan dunia itu untuk membuat keputusan dan mencari penyelesaian," katanya.

Ini, katanya, bermakna anggota tentera Malaysia akan terus berkhidmat di Bosnia-Herzegovina selagi PBB tidak meninggalkan negara itu kerana "jika PBB menarik keluar askarnya, kita tinggal seorang, teruklah kita."

Ditanya tindakan yang akan diambil oleh Malay-

sia jika kata dua itu gagal dilaksanakan, Dr Mahathir berkata: "Kita kena tengok apa yang kita boleh buat. Kita kena ikut keadaan."

Menurutnya, setakat ini beliau tidak tahu apa yang sepatutnya dilakukan dalam menangani isu keganasan di Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri juga tidak yakin dengan kejayaan inisiatif Russia yang meminta diadakan satu sidang kemuncak antara-bangsa khusus untuk membincang dan mencari

penyelesaian terhadap konflik di Bosnia.

"Sambil dia (menganjurkan) persidangan dan bermesyuarat, orang semua kena bunuh. Mereka sudah mengadakan banyak mesyuarat. Dia sibuk mesyuarat, untuk apa?" katanya.

Ditanya apakah pengganti Boutros-Ghali mestilah datangnya dari kalangan negara Islam, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak mengira soal agama asalkan dia berpegang kepada prinsip kemanusiaan."